

Apa disimpan di dalam peti,
Buah belimbing dibuat jeruk;
Apa diharap kepada kami,
Orang miskin rupa pun buruk.

Ayam mengeram di tepi hutan,
Tengah mengeram ia pun mati;
Orang karam di tengah lautan,
Saya karam di dalam hati.

Berlari-lari ke padang datar,
Putuslah urat ikatan taji;
Nantikan saya di Padang Mahsyar,
Di dunia tidak tercapai lagi.

Untuk menyampaikan hasrat semasa upacara meminang, wakil pihak lelaki tidak akan menyatakan hajatnya itu secara terus terang. Ini akan menampakkan kegelojohan pihak lelaki di dalam usaha untuk menambat hati wakil perempuan. Hasrat ini akan dipantunkan dengan maksud berlapik agar keindahan dari segi deria dengar dapat dinikmati. Dengan menggunakan pantun juga, pihak perempuan dapat menelah bahawa pihak lelaki memanglah bersungguh-sungguh di dalam usaha untuk mendapatkan pesetujuan pihak perempuan. Mungkin pantun yang akan disampaikan ialah:

Tumbuh betik di tepi halaman,
Pokok berangan pokok keruntum;
Sungguh cantik bunga di taman,
Bolehlah gerangan petik sekuntum.

Ribu-ribu batang terpanggung,
Akan duduk batang rumbia;
Walau beribu hutang kutanggung,
Akan kupinang idaman dara.

4.0 Pantun Cerminan Tasawwur Dunia Melayu

Proffesor Van Dphnysen pernah menyatakan "... bahawa pantun itulah yang menyatakan tabiat, fikiran dan perasaan bangsa Melayu." Mohd Taib Osman di dalam tulisannya yang berjudul '*Pantun Sebagai Pencerminan Minda Melayu*' menyatakan '..... pantun merakamkan perasaan kegembiraan dan kesedihan, menyatakan perasaan hiba, kasih sayang, cemburu atau bersyukur, atau didorong untuk memberi nasihat, memperkuuh pegangan adat dan agama. Jikalau hendak dihitung apa yang diperkatakan oleh pantun, jangkaunya meliputi seluruh hidup manusia Melayu... ."

Manusia Melayu memandang berat tentang adat sehingga ada pepatah yang dipegang dengan kuat oleh pendukung Adat Perpatih yang berbunyi 'Biar mati anak, jangan mati adat'. Pepatah

ini telah menimbulkan banyak tengkarah di kalangan orang yang tidak faham dengan keseluruhan Adat Perpatih ini. Namun demikian, di sini bukanlah tempatnya untuk penulis memperkatakan tentang polimik yang lahir daripada pepatah ini. Banyak pantun Melayu yang membicarakan tentang kepentingan adat ini, yang sekaligus mencerminkan tasawwur masyarakat ini. Antaranya ialah:

Anak Cina bertimbang madat,
Dari Makasar langsung ke Deli;
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak dijual beli.

Apalah tanda batang putat,
Batang putat bersegi buahnya;
Apalah tanda orang beradat,
Orang beradat tinggi maruahnya.

Di dalam membicarakan tentang adat ini, adat memuliakan tetamu menjadi di antara banyak adat Melayu yang dipentingkan. Penghormatan yang diberikan kepada tetamu, sama ada yang datang dari jauh maupun dekat, dicerminkan seperti pantun ini:

Batu kecubung warna ungu,
Ditatah berlian batu bermutu;
Adat Melayu menyambut tetamu,
Hamparkan tikar lebarkan pintu.

Dalam melahirkan hasrat hati atau perasaan, bahasa berlapik atau kiasan akan digunakan agar tidak terlalu menyerlah. Juga di dalam memberikan sampiran kepada pantun, alam menjadi modal utama. Yang jelas kelihatan ialah alam kejadian tumbuh-tumbuhan, haiwan dan geografi alam seperti nama negeri, dan tempat serta bentuk bumi dijadikan khazanah untuk menghasilkan sampiran dengan bunyi rima dalam baris-baris maksud. Contohnya, di dalam pantun di bawah ini yang menggambarkan keadaan hiba kerana dikecewakan.

Panjanglah rumput di permatang,
Disabit orang Inderagiri;
Disangka panas hingga ke petang,
Rupanya hujan di tengah hari.

Namun demikian, perasaan hiba yang digambarkan melalui pantun di atas itu mendapat penawar kerana kekecewaan itu digambarkan sebagai sesuatu yang di luar kuasa manusia. Jikalau perasaan kecewa ini hendak digambarkan dengan lebih lembut lagi, maka pantun di bawah ini dapat dijadikan contoh:

Jangan begitu tarah papan,
Jauh rimbanya padi jambi;
Jangan begitu kata tuan,
Jauh hibanya hati kami.

Merajuk atau kecewa juga bermacam sebab. Jikalau disebabkan oleh kedudukan yang tidak sama dengan pihak yang satu lagi atau tidak sekufu, maka akan dipantunkan:

Putik nenas bunga cempaka,
Ketika dengan bunga kenanga;
Tuan emas saya tembaga,
Manakan boleh duduk bersama.

Kereta kuda pedati lembu,
Singgah mari di tepi kuala;
Tuan sutera saya belacu,
Manakan boleh berganding sama.

Budi adalah struktur yang membimbing dan menghubungkan setiap anggota masyarakat bangsa dan negara. Ini dapat dilihat di dalam pantun:

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa;
Sendi bangsa ialah budi,
Runtuh budi runtuhlah bangsa.

Orientasi nilai budi yang dipaparkan melalui pantun di atas mengukuhkan setiap bangsa – tanpa orientasi nilai, atau bebas nilai, keseluruhan batas kehidupan manusia akan runtuh. Kepentingan nilai budi di dalam kehidupan masyarakat Melayu ditekankan lagi melalui pantun:

Cahaya redup menyegar padi,
Ayam berkokok mengikat tuah,
Jikalau hidup tidak berbudi,
Umpama pokok tidak berbuah.

Hari hujan naik ke sampan,
Dari kuala patah kemudi;
Mati ikan kerana umpan,
Mati saya kerana budi.

Manusia Melayu terlalu kenangkan budi yang telah ditabur orang. Mereka akan berasa terhutang budi kepada orang yang telah menghulurkannya. Dan hutang ini tidak akan dapat dibayar sampai bilapun. Beban berhutang budi ini dirasakan lebih berat jika dibandingkan dengan beban berhutang harta.

Anak haruan lima-lima,
Mati ditimpa punggur berdaun;
Budi mu tuan kami terima,
Jadi kenangan bertahun-tahun.

Pisang emas dibawa ke Bentan,
Pisang lidi bertanding-tandingan;
Hutang emas berganti intan,
Hutang budi tiada bandingan.

Kekesalan terhadap keadaan budi yang sudah tidak dipedulikan lagi juga mendapat tempat di dalam pantun. Kekesalan ini diungkapkan dengan sebeginu rupa sehingga orang yang mendengar akan terasa betapa budi yang telah dicurahkan kini sudah tidak dipandang lagi. Ini terungkap di dalam pantun:

Semenjak kentang menjadi gulai,
Ubi tidak bersama lagi;
Semenjak wang jadi pemakai,
Budi tidak berguna lagi.

Banyak orang di Bukit Cina,
Sayang Cik Ali menebang kayu;
Zaman sekarang ringgit berguna,
Budi yang baik terbuang juga.

Selain nilai budi, perasaan cinta dan kasih sayang yang abadi amat luhur dalam masyarakat Melayu. Bagi orang Melayu, sesuatu yang dianggap begitu keramat seperti cinta dan kasih sayang akan hilang makna yang mendalam dan kesyahduannya apabila diungkapkan secara terus terang. Oleh itu, pantunlah menjadi wahana kepada penglahiran perasaan cinta dan kasih ini. Apabila perasaan ini diungkapkan dalam anyaman bahasa yang indah melalui pantun, kesyahduan perasaan ini amatlah dirasai insan yang mengucapkannya, dan juga kepada yang ditujukannya. Kedua-dua perasaan ini memerlukan pengorbanan yang amat besar demi mengecapinya. Hal ini diungkapkan di dalam pantun:

Nasi lemak buah bidara,
Sayang selasih saya lurutkan;
Buang emak buang saudara,
Sebab kekasih saya turutkan.

Nyiur gading puncak mahligai,
Buat ketupan berisi inti;
Hancur daging tulang berkecaci,
Belum ku dapat belum berhenti.

Pantun wujud di dalam persekitaran dunia manusia Melayu. Pengaruh-pengaruh yang terdapat di dalam sesebuah pantun ini bergantung kepada unsur-unsur terdekat masyarakat tersebut. Misalnya, masyarakat petani akan menghasilkan sampiran-sampiran pantun yang ada hubungan dengan alam pertanian. Dan kiasan-kiasan yang digunakan di dalam pantun juga akan rapat hubungannya dengan persekitaran mereka. Begitu juga dengan masyarakat nelayan dan sebagainya.

Daripada pantun-pantun yang dihasilkan oleh kelompok masyarakat ini, kita dapat menelah bahawa ada unsur-unsur didaktik yang ingin disampaikan melaluiinya. Juga dapat kita bayangkan keahlian yang terdapat di dalam pantun-pantun yang dihasilkan. Contohnya:

Baik-baik belayar malam
Arus deras karangnya tajam
Cari-cari malim yang faham
Di situ banyak kapal tenggelam

Pantun di atas menggambarkan nasihat yang diberikan kepada mereka yang ingin belayar pada waktu malam agar mendapatkan khidmat seorang malim yang arif tentang keadaan laut. Juga di dalam pantun di bawah ini yang mengisahkan tentang kekesalan berpanjangan akibat tidak melakukan perkara-perkara yang dituntut oleh agama:

Asam kandis asam gelugur
Ketiga dengan asam remenia
Menangis mayat di pintu kubur
Teringat badan tidak sembahyang

Menurut Harun Mat Piah (2001), seorang pengkaji mungkin tidak akan dapat memahami pantun-pantun yang ada hubungan dengan persekitaran sekiranya tidak difahami dahulu tentang persekitaran pantun itu dihasilkan. Sebagai contoh, lihat pantun:

Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kaki;
Berguru kepala lang ajar,
Bagai bunga kembang tak jadi.

Di dalam pantun di atas, *rusa belang kaki* yang dimaksudkan di sini ialah sejenis belalang (belalang rusa) yang tidak bernilai dibandingkan dengan rusa sebenar yang lebih berharga, misalnya rusa beringin atau rusa benuang.

Kadang kala, terdapat unsur-unsur hiperbola (keterlaluan) di dalam menyatakan hasrat hati ini. Ini sekadar menggambarkan keadaan yang ekstrem atau untuk mendapatkan simpati kepada orang yang dicurahkan. Sebagai contoh:

Orang tani mengambil nipah,
Hendak dibawa ke Inderagiri;
Seluruh alam kucari sudah,
Belum bersua pilihan hati.

Akar beringin tidak berbatas,
Cuma bersilang paut di tepi;
Bidukku lilin layarnya kertas,
Hendak seberang laut berapi.

5.0 Pantun Sebagai Bingkisan

Menurut Yah Ismail, nilai pantun tinggi kerana bentuknya elok. Oleh kerana ketinggian nilai pantun ini, puisi pantun ini pernah digunakan sebagai bingkisan. Mungkin dapat kita katakan kemuncak kepada keterampilan pantun ini ialah apabila genre ini telah digunakan sebagai bingkisan. Bingkisan membawa makna hadiah atau cenderahati yang disampaikan bersama-sama warkah. Analogi yang diberikan oleh Harun Mat Piah di dalam menerangkan peranan bingkisan ini ialah:

“sebuah cerana perak yang diisikan dengan batu-batu permata yang pelbagai jenis dan warna, dihias dan digubah, disertakan dengan sepucuk surat untuk disampaikan kepada seseorang yang dikasihi dan dihormati. Gubahan permata itu adalah pantun-pantun yang diwarisi oleh masyarakat dan tradisi Melayu, masa lampau dan masa kini.”

Daripada analogi yang diberikan ini, dapat kita menelah, betapa pentingnya peranan pantun ini di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini dapat diterangkan dengan pantun:

Inilah pantun baru direka
Menyurat di dalam tidak mengerti
Ada sebatang pohon angsoka
Tumbuh di mercu gunung yang tinggi

Menyurat di dalam tidak mengerti
Makna dandang dipuput bayu
Tumbuh di mercu gunung yang tinggi
Bahasanya orang cara Melayu

Pantun di atas menggambarkan pantun yang disurat diibaratkan seperti sejenis pohon yang berbunga indah (pohon angsoka), dan pohon ini tumbuh di puncak gunung yang tinggi. Perlambangan ini menunjukkan keindahan dan ketinggian mutu ciptaan pantun sebagai daya cipta dan tasawwur masyarakat Melayu.

Menurut Harun Mat Piah, beberapa orang pujangga Melayu telah memanfaatkan konsep bingkisan ini di dalam daerah Melayu Nusantara. Misalnya, di Negara Brunei Darussalam, Pengiran Indera Mahkota Pengiran Mohamad Salleh bin Pengiran Syarmayuda telah merakamkan *Syair Rakis* dan telah dihadiahkan kepada Sultan Brunei ke-23. Bingkisan ini telah diberi jodol *Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-anjas* (*Warkah* yang ikhlas bersama hadiah yang pelbagai).

Keterampilan pantun dapat dilihat melalui karya ini kerana isinya yang mengandungi 175 rangkap menyentuh pelbagai aspek kehidupan pada zaman ini, zaman lampau dan zaman akan datang. Turut disentuh di dalam karangan pantun ini ialah pandangan dan nasihat daripada seorang tua, pembesar negara kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai tonggak negara yang memimpin dan seterusnya akan menentukan nasib dan hidup bangsanya pada masa tersebut dan masa akan datang.

6.0 Penutup

Terlalu banyak yang boleh diperkatakan tentang pantun. Sehingga hari ini, masih ramai lagi pengkaji yang meneruskan tradisi mengkaji pantun daripada berbagai sudut yang belum disentuh sebelum ini. Usaha-usaha beberapa pihak, sama ada yang ada hubungan dengan pemerintah mahupun tidak, di dalam mengumpulkan pantun-pantun lama dan baru perlulah diberi sokongan padu daripada setiap orang Melayu.

Kita juga dapat lihat, pantun kini semakin diminati muda mudi, terutama melalui seni kata lagu. Seni kata lagu yang berunsurkan pantun dapat bertahan setanding dengan yang lain, malah ada yang lebih lama lagi. Mungkin dapat diberikan contoh di sini lagu *Cindai* (Siti Nurhaliza) dan *Pandang-pandang Jeling-jeling* (Siti Nurhaliza & S. M. Salim)

Melalui alam siber juga, terdapat banyak lelaman yang memberikan ruang kepada pengunjung berbalas-balas pantun. Ada yang kurang senang kerana pemantauan kepada nilai estetika pantun ini tidak terjaga dan dipelihara. Namun demikian, penulis berpendapat ini adalah usaha-usaha yang wajar diteruskan kerana didapati, setidak-tidaknya, pantun yang dijual dan dibeli melalui ruang siber ini mempunyai ciri pantun yang minima, iaitu berima akhir ‘a-b-a-b’ dan juga dari sudut suku katanya dijaga dengan baik.

Keterampilan pantun sebagai pancaran kehidupan orang Melayu memang tidak dapat diperkecilkan, apatah lagi disangsi. Kesebatian pantun di dalam kehidupan masyarakat ini ibarat lagu dan irama – tidak dapat dipisahkan. Daripada penggolongan pantun yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, daripada pantun kanak-kanak sehingga pantun orang tua-tua, dapat dilihat seakan-akan terdapat semacam lingkaran kehidupan atau *rites de passage* yang mengiringi setiap peralihan tahap kehidupan manusia Melayu ini.

Adalah sesuatu yang mustahil untuk penulis merakamkan kesemua aspek keterampilan pantun ini di dalam batasan ruang yang diberikan. Namun demikian, adalah menjadi harapan agar pantun ini akan terus hidup di dalam jiwa masyarakat Melayu. Janganlah kerana kita tidak fasih berpantun, kita sangsi akan kebolehan pantun ini di dalam penggunaannya di dalam majlis-majlis rasmi.

Pengantin bersanding wajah berseri,
Baju bertatah nilam permata;
Kalau tidak tahu menari,
Jangan dikata tanah tak rata.

KETERAMPILAN BAHASA MELAYU MERENTASI ZAMAN DAN DISIPLIN²⁸

*Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz*²⁹

1.0 Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat dinamis iaitu ia mampu berkembang dan berubah mengikut keperluan zaman. Kini terdapat lebih daripada 250,000,000 penutur bahasa Melayu di dunia ini. Jumlah ini membuktikan bahasa Melayu mempunyai kemampuan untuk wujud dalam berbagai media dan keadaan. Ini membuktikan juga bahasa Melayu mempunyai keterampilan atau kemampuan dan kecekapan untuk wujud secara berterusan. Kini terdapat bermacam bentuk bahasa Melayu seperti bahasa Melayu Purba, Kuno, Klasik dan Moden.

2.0 Keterampilan Bahasa

Keterampilan bahasa Melayu dapat dilihat perkembangannya dalam pemeringkatan tiga tahap iaitu pramoden, moden dan pascamoden. Zaman pramoden menonjolkan kemampuan bahasa Melayu menyerap segenap pengaruh asing dalam usaha menjadikannya serasi dengan keperluan konteks pengaruh yang mengawal kawasan Nusantara ketika itu. Maka ia meliputi zaman Purba, Kuno, dan Klasik. Zaman moden pula menonjolkan pengaruh perubahan ke atas sistem bahasa Melayu sendiri dengan pengenalan bahasa Melayu SITC (Sultan Idris Training College). Manakala zaman pasca moden merujuk kepada ledakan teknologi maklumat iaitu zaman internet dan kelahiran disiplin-disiplin baru. Bahasa Melayu tetap tekal dalam mengikuti dan menyesuaikan kewujudannya agar selaras dengan keperluan pragmatik sezaman.

2.1 Bahasa Melayu Purba

Bahasa Melayu berasal daripada bahasa Autronesia. Bahasa Melayu terawal ialah bahasa Melayu purba yang dianggarkan wujud sejak abad 4. Bahasa Melayu Purba diandaikan terdiri daripada leksikon Autronesia (Melayu jati) yang dianggarkan sebanyak 157 jumlahnya. Berikut merupakan beberapa contoh bahasa Melayu jati yang didapati dalam transkripsi batu bersurat kedukan bukit bertarikh 683 Masehi :-

“nayik (naik), samvau (sampan), mengalap (mengadap), vulan (bulan), marlapas (berlepas), dari, yang, vala (bala/balatentera), dua laksa, ko (ke), dua ratus, dangan (dengan), mamava (membawa), sarivu (seribu), sapulu (sepuluh), tlu (telu/tiga), vanakna (banyaknya), di, datang, marvuat (membuat), vanua (benua/negeri)”
(Abdullah 1994:14)³⁰

²⁸Penulisan ini adalah berlandaskan tesis Sarjana Sastera Mohamad Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz bertajuk “E-Kultur dan Evolusi Bahasa Melayu di Singapura” (2004), Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang

²⁹Penulis merupakan penyelaras Program Latihan Khas Bahasa Ibunda, Institut Pendidikan Nasional Kampus Townsville dan Setiausaha Kehormat Majlis Bahasa Melayu Singapura

³⁰Abdullah Hassan dan Ainan Mohd, 1994. *Bahasa Melayu untuk Maktab Perguruan*. Selangor: Fajar Bakti.

2.2 Bahasa Melayu Kuno

Bahasa Melayu mengalami evolusi setelah menyerap pengaruh bahasa Sanskrit yang berkembang pada abad 7. Bahasa Sanskrit mempengaruhi sistem Bahasa Melayu Purba. Pengaruh bahasa Sanskrit membawa kepada evolusi bahasa Melayu dari segi sintaksis dan morfologi. Dari segi sintaksis, kita dapatkan adanya gabungan kata-kata Melayu jati dan Sanskrit. Dari segi morfologi pula, kita dapatkan ada penyerapan ejaan bahasa Sanskrit yang disesuaikan dengan sistem sebutan Sanskrit. Misalnya, dalam batu bersurat Pagar Ruyung Minangkabau bertarikh 1356 yang ditulis dalam huruf India, didapati bahawa kata ‘tida’ telah berubah kepada ‘tyada’, awalan ‘mar’ dan ‘ni’ berubah menjadi ‘ber’ dan ‘di’, ‘marvuat’ menjadi ‘berbuat’ dan ‘niparvuat’ menjadi ‘diperbuat’.

2.3 Bahasa Melayu Klasik

Evolusi ketiga bahasa Melayu berlaku dengan kemasukan pengaruh Arab ke dalam bahasa Melayu pada abad ke 11. Ia menghasilkan bahasa Melayu Klasik. Bahasa Melayu Klasik memperkenalkan satu anjakan terhadap gaya bahasa Melayu yang kini lebih kepada keislaman. Leksikon Arab juga semakin meningkat jumlahnya. Contoh bahasa Melayu Klasik :

“adapun (mengenai/perihal), ajab (harian), ayapan (makanan), berahi (cinta), berkenan (setuju), bersiram (mandi), hubaya-hubaya (hati-hati), gering (sakit), darwis (selatan), betara (raja), beryang-yang (memuja), biduanda (hamba), inderaloka (syurga), jemala (kepala), ratna mutu manikam (intan permata).”

Berikut merupakan contoh bagi teks dalam bahasa Melayu Klasik yang banyak terhasil dalam hikayat-hikayat lama :

Syahadan maka kata Maharaja Darmawangsa, “ Jikalau Bengawan Bisma dijadikan kepala perang, apa bicara kita kerana pada Bengawan Bisma ada suatu senjatanya yang terlalu sakti namanya senjata itu ‘Setambang Astinapura’, negara harganya. Maka senjata itu yang diakuinya oleh Bengawan Bisma itu. Syahadan siapa dapat akan melawan dia. ” (Hikayat Pandawa Lima)

2.4 Bahasa Melayu Johor-Riau

Kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis mengancam bahasa Melayu Melaka, namun demikian ia diselamatkan oleh kerajaan Johor yang wujud seiring dengan kerajaan Melaka. Zaman ini memperlihatkan kematangan bahasa Melayu berkat perkembangan semasa zaman bahasa Melayu Klasik dan situasi ini secara tidak langsung melahirkan dialek Johor-Riau kerana gabungan bahasa Melayu Klasik dan dialek Johor.

Bahasa Melayu Johor-Riau telah digunakan dengan meluasnya sebagai lingua franca dan penulisan sehingga penggunaanya tersebarluas ke pulau Sumatera (Barat) dan Semenanjung Tanah Melayu, beberapa daerah Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan Pattani. Berikut merupakan contoh teks dalam bahasa Melayu Johor-Riau :

“Kemudian daripada itu maka Sultan Mahmud pun belayarlah ke Siam. Ada kira-kira lima belas hari sampailah baginda ke Siam, maka naiklah Wan Abdullah ke darat memberitahu Cokan Kalahum menteri yang besarnya mengatakan Sultan Mahmud datang. Maka Cokan itu pun menyuruh ambil dengan kapal api tarik sekira satu jam sampailah ke kampung Cokan itu.” (Tuhfat Al-Nafis)

Perbezaan antara bahasa Melayu Klasik dan bahasa Melayu Moden boleh dilihat dalam contoh berikut :

Bahasa Riau	Bahasa SITC
i Tiada akan datang kepadaku si Zahid tetapi si Umar datang.	Si Umar datang kepadaku tetapi si Zahid tidak.
ii Si Zahid di atasnya hutang.	Si Zahid menanggung hutang.
iii Telah memukul oleh si Umar akan Zahid.	Umar telah memukul si Zahid.
v Duduk akau akan masjid akan hari Jumaat;duduk aku di belakang raja.	Pada hari Jumaat, aku duduk di masjid, di belakang raja.

2.5 Bahasa Melayu Moden

Penaklukan kuasa barat bermula dengan Portugis, Belanda dan Inggeris melahirkan bahasa Melayu Moden. Setakat ini bahasa Melayu diwarnai dengan pengaruh daripada bahasa-bahasa berikut :

<u>Sanskrit</u>	agama, sederhana, puasa, suasana, puteri, permaisuri
<u>Tamil</u>	apam, kolam, nilam, logam, ragam, kuli, kedai, keldai
<u>Davida</u>	kuda, loji, belanja
<u>Hindi</u>	cuti, curi, culi, lucah, sundal
<u>Arab</u>	ajal, awal, akhir, akhbar, hukum, rukun, sabar, makna, kiamat
<u>Farsi</u>	daftar, nakhoda, maulana, syahbandar, kahwin, temasya
<u>Cina</u>	loteng, tekoh, cawan, kuntau, anglo, mi, dacing, tocang
<u>Portugis</u>	bendera, kemeja, biola, jendela, mentega, soldadu, padri
<u>Belanda</u>	duit, ransum, taksir, toples, pekan, organisasi, revolusi
<u>Inggeris</u>	enjin, stesen, tiket, motokar, mesin, telefon.

2.6 Bahasa Melayu SITC (Sultan Idris Training College)

Bahasa Melayu moden yang ada ketika itu sebenarnya masih dalam bentuk Johor-Riau yang disulami dengan kosakata-kosakata yang rencam. Bahasa Melayu moden yang ada sekarang sebenarnya mendapat bentuknya dengan tertubuhnya Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) di bawah kepimpinan Za'ba. Maka bahasa Melayu Riau semakin berubah kepada bentuk yang ada sekarang. Berikut merupakan contoh perubahan yang dimaksudkan :

Bahasa Riau	Bahasa SITC
antuk	kantuk > mengantuk
endap	hendap > mengendap
ambil	ambil > mengambil
nasik	nasi
maknusia	manusia
kecil	kecil
ogot	ugut > mengugut, terugut

Ariff (Pesan 1993:253)³¹ merumuskan bahawa unsur bahasa Melayu Riau yang diamalkan dalam bahasa Melayu di Singapura hingga kini hanyalah tinggal bunyi sebutannya sahaja bukan nahunya lagi. Misalnya :

- i. fonem akhir /a/ jadi /e/ dalam "kata" disebut /kate/.
- ii. fonem /i/ jadi /e/ dalam "kasih" disebut /kaseh/.
- iii. fonem /u/ disebut /o/ dalam "pasung" disebut /pasong/.

2.7 Bahasa Melayu Internet

Perkembangan terkini dalam bahasa Melayu ialah bahasa Melayu yang digunakan di internet. Penggunaan bahasa Melayu di internet terbahagi kepada beberapa komponen iaitu email, chat dan leleman web. Chat terbahagi kepada tiga jenis iaitu IRC, ICQ dan MSN yang menggunakan *emoticons*³² atau ikon-ikon emosi. Emel dan chat menggunakan bahasa komunikatif sahaja. Bahasa Melayu masih terampil dalam situasi seumpama ini malah ia mencipta satu ragam khas untuk internet, seperti berikut :

Bahasa Internet	Bahasa Lisan
a. Korang kenal siti ker tak nie ?	Kamu kenal siti atau tidak ?
b. Masok sekolah nanti kol brape ha ?	Engkau masuk sekolah pukul berapa, ha ?
c. Kimsalam kat budak2 tu ehh	Engkau kirim salam dekat budak-dudak itu ya.

³¹Majlis Bahasa Melayu Singapura, 1993. *Pesan*. Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura

³²Ikon-ikon emosi merujuk kepada ilustrasi yang menunjukkan perasaan pengguna misalnya riak wajah marah, sedih, gembira, tersenyum, bunga ros dan jantung. Ikon-ikon ini juga merupakan wahana penyampai maksud atau bahasa di internet yang bersifat *pictographic* atau *ideagraphic*.

Berikut merupakan beberapa perkataan yang disesuaikan untuk penggunaan di internet :

tak (tidak), saja (sahaja), duk (duduk), gini (begini), gitu (begitu), mau (mahu) dan reti (mengerti), amik (ambil), antar (hantar), bace (baca), mane (mana), same (sama), kecik (kecil), ape (apa) dan hotak (otak.). caye (percaya), camni (macam ini), camtu (macam itu), teypon (telefon), keng-kawan (kawan-kawan), cedar (sedap), amik atti (ambil hati), pompan (perempuan) dan mepek (merepek) dan seryuz (serius),

3.0 Laras Bahasa Melayu

Laras bahasa ialah gaya atau cara bahasa digunakan untuk menyampaikan maklumat, maksud dan tujuan dari sudut lisan atau tulisan. Ia merupakan unsur penting dalam perluasan dan perkembangan sesuatu bahasa. Laras berubah mengikut situasi dan konteks penggunaan bahasa tersebut dan ditentukan oleh kata-kata, istilah, struktur nahu dan ungkapan-ungkapan yang digunakan. Penggunaan laras yang betul dan tepat mengikut kehendak situasi membolehkan segala maklumat yang hendak disampaikan lebih berkesan dan mudah difahami dan dapat meningkatkan keberkesanannya dalam komunikasi.

3.1 Laras Bahasa Rasmi dan Tidak Rasmi

Bentuk rasmi digunakan dalam situasi rasmi, misalnya dalam majlis-majlis, tempat-tempat dan urusan-urusan rasmi. Ia juga dikenali sebagai bahasa Baku. Laras Bahasa tidak Rasmi merupakan bentuk tidak formal digunakan dalam percakapan umum atau perbualan harian yang mengandungi unsur bahasa basahan yang menggunakan ayat ringkas dan pendek dan tidak memenuhi ciri-ciri nahu yang tepat, tetapi masih mencegalkan bentuk komunikasi yang hormat dan sopan.

3.2 Laras Bahasa Media Massa

Laras bahasa media massa ialah gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan berita, rencana pengarang, esei dan komentar yang disiarkan dalam akhbar, majalah, radio dan televisyen. Laras ini menggunakan bahasa yang mudah, ayat yang tegas, padat dan tidak berbunga-bunga supaya mudah difahami semua golongan masyarakat.

12 pertubuhan Melayu / Islam termasuk masjid akan memadu tenaga mendekati dan membantu para pekerja Melayu meniti cabaran pekerjaan yang kini pesat berubah.

3.3 Laras Bahasa Sastera

Laras bahasa sastera ialah bahasa yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan karya kreatif sama ada dalam bentuk prosa atau puisi. Bahasanya lebih bebas daripada aturan tatabahasa dan bersifat imaginatif serta penuh gaya.

Aku hasilkan karya-karyaku untuknya. Aku lukiskan kemesraan cinta yang panas. Aku benamkan di dalamnya daun-daun asmara yang bergetaran. Aku suntingkan bunga-bunga rindu yang mekar dan segar. Aku sematkan di dalamnya rahsia-rahsia syurga yang damai.

3.4 Laras Bahasa Agama

Laras agama ialah bahasa yang digunakan untuk membicarakan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan keagamaan misalnya, kisah-kisah Nabi, pedoman iman dan takzirah.

Ketahuilah, wahai saudara-saudaraku kaum Muslimin, moga-moga Allah melorongkan kami dan kamu ke jalan yang mudah, dan menjauhkan kami sekalian dari jalan yang sukar, serta mengampunkan kita sekalian di akhirat juga di dunia, amin. Bahasawanya bulan Ramadhan itu adalah bulan yang tinggi darjat dan besar martabatnya di sisi Allah dan RasulNya, dan dia juga menjadi penghulu segala bulan. Padanya Allah memfardhukan puasa ke atas kaum Muslimin, dan dicatitkannya sebagai wajib yang tidak boleh ditinggalkan.

3.5 Laras Bahasa Ilmiah

Laras bahasa ilmiah ialah laras bahasa yang digunakan dalam bidang ilmiah bagi membincangkan pelbagai disiplin ilmu seperti geografi, matematik, sains, perubatan, ekonomi dan seumpamanya. Laras ini bersifat rasmi dan objektif dan biasanya digunakan dalam penulisan akademik. Berikut merupakan beberapa contoh laras ilmiah.

3.5.1 Laras Ekonomi

Nilai inventori atau stok barang niaga yang dikeluarkan pada jangka masa sebelumnya mungkin tidak menggambarkan nilai sebenarnya apabila dihitung berdasarkan harga semasa. Ini ialah apabila berlaku perubahan harga dalam ekonomi. Oleh itu, nilai inventori tersebut perlu diselaraskan dengan perubahan harga yang berlaku.

3.5.2 Laras Undang-Undang

Bahaha kamu bersama-sama dengan seorang lagi yang masih bebas, pada 30 Julai 1987, lebih kurang pukul 11.00 pagi di Jalan Nakhoda Yusuf, Kampung Pandan, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan: dengan niat yang sama oleh kamu berdua seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 34 Kanun Seksasaan, telah melakukan samun ke atas Wong Ah Lek, K/P 1234567, iaitu seutas rantai leher emas bernilai \$300.00 dan sebuah loket emas bernilai \$100.00. Jumlah nilai barang-barang ialah \$400.00, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 392 Kanun Keseksaan.

3.5.3 Laras Kejuruteraan

Rajah 1 menunjukkan suatu rusuk berterusan ABC merentangi dua bahagian AB dan BC membawa bahan teragih seragam masing-masing 6 ton per meter dan 10 ton per meter. Hujung A dan C disokong secara mudah. Cari B dan C dengan menggunakan kaedah pesongan cerun. Lukis gambar rajah momen lentur.

3.5.4 Laras Linguistik

Perubahan kosong hadir sebagai penambahan kosong atau perubahan kosong atau sebagainya untuk menerangkan morfologi satu bahasa. Jika kebanyakan paradigma bagi kategori tertentu (seperti penanda jamak, kata nama, kata kerja terbitan) sesuai mengambil unsur kata-kata yang dibezakan oleh akhiran tertentu atau jaringan awalan tertentu, maka seluruh struktur mempunyai paradigma yang mengambil akhiran kosong.

3.5.5 Laras Psikologi

Sistem urat saraf autonomi terbahagi kepada dua bahagian yang besar iaitu sympathetik dan parasympathetik. Kedua-dua rangkaian urat saraf ini berada di dalam badan semua anggota penting di dalam badan seseorang. Kedua-dua bahagian urat saraf mempunyai fungsi yang berlawanan.

3.5.6 Laras Fizik

Sferometer ialah sejenis alat yang digunakan untuk mendapatkan jejari kelengkungan permukaan permukaan yang berbentuk sfера seperti permukaan kanta dan cermin melengkung. Bentuk kanta dihasilkan dari potongan permukaan dua sfера dan jejari sfера ini jugalah yang dipanggil jejari kelengkungan kanta.

3.5.7 Laras Seni Bina

Simen ialah sejenis bahan yang mempunyai lekitan (cohesive) dan lekatkan (adhesive) yang membolehkannya mengikat batu supaya menjadi satu jasad yang padu.

3.5.8 Laras Pertanian

*Penyakit tembakau iaitu penyakit mati senget atau (*Layu Fusarium*) terdiri daripada penyakit busuk akar yang disebabkan oleh kulat *Fusarium Solani* dan *Layu Vasacular* yang disebabkan oleh *F. Oxysporum*. Pokok yang diserang penyakit akan mengalami kerosakan pada bahagian akar dan biasanya akan layu.*

3.5.9 Laras Kimia

Larutan Hidrogen Peroksida tulin pada suhu bilik terurai dengan lambat tetapi apabila dicampurkan sedikit mangaganum dioksida, $M_n O_2$ ke dalamnya. OA akan terurai dengan cergasnya. Larutan cair hidrogen peroksida yang lazim digunakan adalah larutan yang mengandungi 3% hidrogen peroksid dalam air, dan digunakan radas yang serupa dengan radas yang digunakan pada pembuatan oksigen daripada natrium peroksid. Mengganum dioksi diisikan ke dalam kelalang dan larutan hidrogen peroksid dititiskan melalui corong pemisah. Persamaan tindak balas yang terjadi adalah seperti berikut :



3.5.10 Laras Matematik

Ukur dan tandakan magnitud arus dengan C dan dengan menggunakan jangka lukis buka sebesar 6 cm. Letakkan bahagian yang tajam jangka lukis di C dan potong garisan satu anak panah dan tandakan A.

3.5.11 Laras Komputer/Teknologi Maklumat

Tujuan menggelintar ialah untuk menemui rekod(jika ada) dengan nilai kekunci yang diberi. Terdapat banyak algoritma yang berlainan untuk penggelintaran, bergantung kepada cara bagaimana jadual atau fail distrukturkan.

3.5.12 Laras Geografi

Kawasan yang mengalami iklim ini terletak di kawasan pedalaman benua. Faktor kedudukan jauh dari laut menyebabkan kawasan pedalaman tidak dipengaruhi oleh angin-angin pantai yang lazim. Kedudukan di kawasan pedalaman benua menyebabkan kawasan teriklim ini mempunyai julat suhu tahunan yang tinggi.

3.5.13 Laras Perubatan

Bakteria laktobasilus ialah bakteria yang bersifat gram positif, tidak membentuk spora dan berkembang biak dengan baik dalam keadaan mikroaerofilik. Bakteria ini kebanyakannya ditemui dalam mulut bayi dan mewakili 1% daripada flora mulut.

3.5.14 Laras Sains

Kebanyakan tumbuhan menjalankan fotosintesis di dalam daunnya. Banyak sel di dalam daun mengandungi organel halus yang disebut daun kloroplas. Klorofil dan pigmen lain di dalam kloroplas memerangkap tenaga dalam cahaya matahari. Apabila telah terperangkap, tenaga tersebut menjalankan satu rangkaian tindak balas kimia yang kompleks. Semasa berlakunya tindak balas ini, molekul air dipisah menjadi atom hidrogen dan oksigen. Atom hidrogen bergabung dengan molekul karbon dioksida untuk menghasilkan glukosa, dan oksigen dilepaskan sebagai sisi.

4.0 Baku Penatar Keterampilan Bahasa

Begitu luas sekali penggunaan bahasa Melayu di dunia ini. Ini dijangkakan memandangkan ia digunakan oleh lebih daripada 250 juta penutur dengan lebih daripada 350,000 istilah³³ yang telah dihasilkan bagi semua bidang dan disiplin ilmu. Keterampilan bahasa Melayu ini menjadi realiti dan terus beroperasi berkat daripada konsep penstandardan atau pembakuan yang dilaksanakan bagi sistem bahasa Melayu sendiri. Tanpa pembakuan ini, keterampilan bahasa

Melayu tidak akan mencapai kemampuan dan kelakonan yang agresif dan progresif ini. Melalui pembakuan, kesepakatan dan keharmonian dapat direalisasikan dalam usaha menghasilkan lebih banyak istilah dalam bahasa Melayu.

Pembakuan memastikan setiap bidang mempunyai tataistilah³⁴ yang seragama dengan semua aspek bidang tersebut agar tidak timbul konflik atau salah tafsir sesuatu panduan maupun penjelasan dalam bidang tersebut.

Pembakuan juga memastikan adanya kawalan terhadap pragmatik bahasa. Walaupun ‘istilah’ membawa pengertian penggunaan dalam konteks khusus, namun, ada juga antara istilah-istilah yang digunakan dalam konteks umum. Ini berlaku apabila istilah itu digunakan dengan kerap oleh masyarakat pengguna bahasa, dan penggunaannya itu tersebar melalui media massa. Misalnya, kata *taqwa* merupakan istilah dalam bidang keagamaan Islam, tetapi sekarang ini kata berkenaan sudah digunakan secara am dalam penggunaan bahasa sehari-hari.


Demikian juga halnya dengan *belanjawan* atau *bajet* yang pada mulanya adalah istilah khusus dalam bidang ekonomi, tetapi sekarang digunakan secara am, bahkan dalam perbualan antara jurujual dengan pembeli. Sebaliknya *hidrogen*, *nitrogen*, *neonatal*, *fonem* dan *morfem* tetap merupakan istilah khusus dalam bidang masing-masing. Pembakuan memastikan penyesuaian daripada istilah khusus kepada umum berlaku dalam situasi yang terkawal dan pemantapan istilah khusus diselenggarakan sebaik mungkin mengikut proses yang telah diformulasikan. Maka BAKU dan KETERAMPILAN merupakan dua unsur yang saling melengkapi.

5.0 Penutup

Bahasa Melayu telah melayari bahtera zaman dengan maju dan berkesan. Ini dapat dipastikan kerana kedinamikan bahasa Melayu itu sendiri. Tanggapan yang memencarkan bahasa Melayu sebagai tidak mampu menjelaskan fenomena baru di bumi ini adalah sempit dan tidak berlandas. MABBIM sentiasa berusaha menyediakan bahasa Melayu agar selaras dengan keperluan zaman. Kini, jika dibandingkan jumlah istilah yang dihasilkan dengan jumlah kata dalam bahasa Melayu, kita akan takjub dengan jumlah perkembangan yang telah dilalui bahasa Melayu. Kini terdapat lebih daripada 350,000 istilah berbanding dengan anggaran 60,000 kata dalam bahasa Melayu termasuk kata terbitan. Jumlah kata dalam bahasa Melayu memastikan kedinamikannya sementara jumlah istilah dalam bahasa Melayu memastikan keterampilannya.

³³Istilah (technical term) adalah kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional. Sesuatu istilah itu mempunyai makna yang tepat bagi konteks bidangnya, dan dengan itu dapat diberi definisi yang tetap.

³⁴Tataistilah (terminology) merupakan kumpulan istilah bagi satu-satu bidang tertentu yang dibentuk menurut peraturan-peraturan yang ada. Misalnya, tataistilah matematik bermakna kumpulan istilah matematik yang ada yang telah dibentuk berdasarkan sistem tertentu.



SUMPAH

Pagi ini aku bangkit lagi
Disuruh sumpah mati
untuk pertiwi.

Aku mengerti
Anak bumi ini
Tak perlu sumpah beribu kali

Hidup matiku di sini
Semadi senadi pertiwi
Tak perlu di sangsi

Keringatku tumpah
Besama merah darah
Berbaur tanah bonda
Setapak penjajahan mengonari ibu
Ku tak kenal tembusan peluru



